



KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/01/13 - 10

PEMUSATAN DAN PEMENCARAN FAIL PEMBAYAR CUKAI SYARIKAT DAN SELAIN SYARIKAT BAGI KATEGORI TERTENTU

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021, LHDNM telah melaksanakan pemusatan dan pemencaran fail pembayar cukai bagi kategori tertentu selaras dengan dasar kerajaan berhubung layanan cukai bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana dan sebagai memenuhi keperluan Garis Panduan Pindahan Harga 2012 (Transfer Pricing Guidelines 2012). Ia juga dilakukan bagi memastikan pengurusan fail pembayar cukai adalah lebih teratur, cekap dan sentiasa dikemas kini berdasarkan keperluan semasa.

Kriteria fail pembayar cukai yang terlibat dengan proses pemusatan dan pemencaran ini adalah seperti berikut:

Bil.	Kriteria	Tindakan
i	Fail pembayar cukai syarikat di Semenanjung Malaysia yang mempunyai Jumlah Perolehan Sebenar (<i>Perolehan / Jualan, Pendapatan perniagaan lain, Pendapatan lain dan Keuntungan tidak dikenakan cukai</i>) sekurang-kurangnya RM50 juta setahun.	<ul style="list-style-type: none">•Pemusatan fail cukai ke Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB).•Pemusatan akan turut melibatkan fail anak syarikat yang berkaitan.



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 1 daripada 3

Bil.	Kriteria	Tindakan
ii	Fail pembayar cukai syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Persekutuan dari seluruh Cawangan LHDNM di Semenanjung Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> • Pemusatan fail cukai ke Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB). • Pemusatan akan turut melibatkan fail anak syarikat yang berkaitan.
iii	Fail pembayar cukai syarikat yang mempunyai transaksi dengan syarikat berkaitan (<i>related companies</i>) di luar Malaysia mengikut ambang (<i>threshold</i>) tertentu.	<ul style="list-style-type: none"> • Pemusatan fail cukai ke Cawangan Cukai Multinasional (CCM).
iv	Fail pembayar cukai syarikat yang berkaitan dengan industri huluan / hiliran petroleum, aktiviti insurans / takaful dan kewangan (tidak termasuk institusi kewangan yang beribu pejabat di Sabah dan Sarawak).	<ul style="list-style-type: none"> • Pemusatan fail cukai ke Cawangan Industri Khas (CIK).
v	Fail pembayar cukai Individu (OG dan SG) termasuk Individu Berprofil Tinggi (IBT) dari CPCB.	<ul style="list-style-type: none"> • Dipencarkan ke semua Cawangan Utama LHDNM berdasarkan rekod alamat premis perniagaan atau surat-menyurat di LHDNM.



Bil.	Kriteria	Tindakan
vi	Fail pembayar cukai yang menggunakan poskod 47100 hingga 47190 (Kinrara dan Puchong) yang kini diuruskan oleh LHDNM Cawangan Petaling Jaya.	<ul style="list-style-type: none"> • Dipencarkan ke LHDNM Cawangan Bangi, Selangor.

Hampir 97,000 fail cukai akan terlibat dengan proses pemusatan dan pemencaran ini, di mana setiap pembayar cukai yang berkenaan akan dimaklumkan secara berperingkat melalui e-mel atau surat (bagi pembayar cukai yang tidak mempunyai e-mel). Semakan notis pemakluman juga boleh dibuat menerusi aplikasi *MyTax*.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- HASiL Live Chat; dan
- Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | ☎ : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 13 Januari 2021



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 3